

Hendaklah Ada Beribu-Ribu Abū Bakar, 'Umar, 'Uthmān Dan 'Alī

Seruannya di atas ini disuruh oleh saudara Tuan Inamullah Khan Setiausaha Agung Motamar Al-Islami di Karachi kepada pelajar-pelajar Islam di Indonesia yang mengadakan kongres di Jakarta pada 24 Ogos yang lalu. Saudara Inamullah Khan adalah diundang khas datang ke Jakarta dari Karachi kerana memberikan ucapan di dalam pembukaan kongres yang tersebut. Setelah mengucapkan terima kasihnya saudara Inamullah berkata :

Hendaklah kita ingat bahawa umat (masyarakat kaum muslimin sedunia) adalah sesuatu yang telah dibangunkan oleh Allah yang Maha Pemurah dan Abadi, melalui Rasul pilihan-Nya. Tuhan telah menamakan kaum muslimin dalam al-Qur'ān sebagai *khayra ummah* (umat yang terbaik, paling harmonis dan paling seimbang) dan dalam ayat berikutnya ditegaskan tujuan membangun umat ketika ia mengatakan *ukhrijat linnās* (dibangkitkan untuk kebaikan manusia). Dengan demikian kita melihat bahawa umat Islam bertugas sebagai utusan dunia yang harus dilaksanakannya dengan ideologi mereka sendiri yang telah tertera sebagai alat ampuh di antara aliran-aliran yang ekstrem. Itulah sebabnya mengapa al-Qur'ān menyebut kita *ummatan wasaqā* (kaum dari jalan yang tengah).

Mahasiswa dan pelajar Islam, harus memiliki pengetahuan yang tepat dan pengertian yang mendalam mengenai latar belakang sejarahmu. Islam datang ke dunia dengan utusan pembebasan dan menerangi manusia: Dan selama berabad-abad kaum muslimin adalah pemegang teraju ilmu pengetahuan, kebudayaan dan ketamadunan. Kemudian datang masa kemunduran, kerana kita telah menyimpang dari bimbingan yang diberikan



Inamullah Khan Setiausaha Agung
Motamar Al-Islami

kepada kita oleh Tuhan: Dan sebahagian besar negeri-negeri Islam tunduk di bawah penaklukan dan pengaruh asing tetapi, syukur *al-hamduli Lāh*. Masa-masa kesuraman kita telah lewat dan dunia Islam sedang kembali menuju kejayaan. Sebagaimana saudara-saudara di Indonesia, sebahagian besar negeri-negeri Islam telah berhasil menghancurkan belenggu imperialisme dan kolonialisme. Semua kita sedang sibuk membangun suatu masa depan, suatu masa depan milik saudara-saudara, kerana saudara-saudara, pemuda dan mahasiswa pelajar dewasa ini adalah pemimpin-pemimpin dan

pemegang peranan buat masa depan.

Saya berkeyakinan bahawa pelajar dan mahasiswa hendaknya jangan terlalu mengambil bahagian dalam amalan politik tetapi yang demikian tidak bermakna bahawa mereka jangan menaruh perhatian pada pendidikan politik: Tetapi mereka harus mengetahui teori-teori politik, sehingga mereka dapat melengkap diri dengan tangkapan dan jangkauan tujuan politik yang jitu baik dalam hal di negeri sendiri, kebangsaan mahu pun bangsa-bangsa. Saya berharap pelajar dan mahasiswa kita menumpukan perhatian yang dalam untuk mempersiapkan dirinya secara peribadi, fikiran dan morel¹ buat masa depan, kerana masa depan itu kepunyaan mereka; tetapi masa depan itu hanyalah akan menjadi milik mereka jika dilengkapkan untuk itu. Dalam persiapan berfikir saudara-saudara, adalah penting bahawa saudara-saudara tidak hanya mempelajari masa lalu tetapi harus sepenuhnya menyedari akan sejarah masa sekarang. Saudara-saudara wajib menyedari pergerakan dan perubahan yang begitu besar ganti berganti dalam dunia dan bagaimana sesuatu terjadi. Saudara-saudara wajib sepenuhnya menginsafi

¹ ejaan sebenarnya model

kedudukan saudara-saudara sebagai bahagian utama dan penting dalam umat.

Saudara-saudara wajib mengetahui dunia bukan saja seperti yang sekarang ini tetapi juga mengenai *Muslim World* (Dunia Islam) yang sedang bangkit dan maju. Saudara-saudara wajib mengetahui bukan hanya mengenai negeri saudara-saudara yang besar ini, tetapi juga harus mengetahui semua negeri-negeri Islam di dunia. Dewasa ini ada 38 buah negara merdeka kaum muslimin dan masih ada negeri-negeri yang *inshā' Allāh* akan merdeka dalam waktu dekat dan masuk dalam masyarakat bangsa-bangsa. Kita wajib mengetahui bahawa kaum muslimin berjumlah 659 juta, melebihi seperlima umat manusia. Jika menorongong tempat tinggal kaum muslimin, kita akan mengetahui wilayah kita adalah luas dan terbesar dari timur ke barat, dari Indonesia ke Morocco, dan utara ke selatan dari Turki ke Natania². Perlu pula kita ketahui bahawa **sejarah** dan **takdir** telah memberikan kita pegangan dari kunci-kunci strategis dunia. Alam juga telah memberkati kita dengan hasil-hasil bumi yang luas dan bertimbin-timbin.

Perubahan-perubahan yang telah terjadi di dunia selama beberapa puluh tahun adalah dahsyat dan kejadian-kejadian meningkat dari hari ke hari. Pesawat jet telah mendekatkan dan mengecilkan dunia: Dan sekarang kita berada di ambang pintu abad *supersonic* yang masih akan lebih mencutkan dunia ini. Perubahan-perubahan perkembangan politik dunia membelakangkan negara-negara imperialis Eropah dan sekarang timbul dua blok dunia, blok dunia bebas dan blok

komunis. Kolonialisme dalam bentuk Eropah yang lama telah musnah, tetapi suatu bentuk kolonialisme baru menonjolkan kepalanya. Soalnya ialah: Bagaimana umat Islam menghadapi tentangan-tentangan zaman ini?

Kita wajib sama sekali jangan memperkuat blok ini atau itu; kita tidak dapat membiarkan diri kita diperas ke dalam golongan yang dinamakan dunia demokrasi (barat) atau dunia komunis, kerana hal ini bererti pengkhianatan akan kesatuan dan tugas yang diberikan Tuhan. Kita mempunyai dunia kita sendiri, dengan punca-punca ekonominya yang luar biasa; dan Islam menganjurkan kita bersatu dan menjadikan dunia ini kepunyaan kita yang penuh kebahagiaan dan kemakmuran, **suatu wilayah damai** antara blok-blok yang ada.

Dunia Islam sedang maju dengan pesat menuju ke arah bersefahaman. Iran, Pakistan dan Turki telah membentuk *co-operasi* perkembangan *regional* (RCD). Negara-negara Arab telah membentuk *Arab League* dan *Arab Economist Council* (Dewan Ekonomi Arab). Negeri-negeri Maghreb (Afrika Barat Laut) telah membentuk persatuan mereka. Dalam pada itu sedang digiatkan usaha-usaha persetujuan kerjasama ekonomi antara Indonesia dan Pakistan. Bersamaan dengan ini ada persetujuan-persetujuan kerjasama berbantu-bantuan antara Morocco dengan Iran, dan antara Iraq dengan Turki. Dan ada kemungkinan besar sebahagian negara-negara Islam akan mengadakan pertemuan puncak negara-negara Islam dalam tahun depan.

Apa yang dinamakan dunia demokrasi (barat) dan dunia komunis menginsafi bahawa masa perpisahan telah lewat dan dikehendaki persefahaman antara pemuda dan mahasiswa dalam kedaerahan dan pengaruh mereka. Dan inilah mengapa mereka telah mendirikan masing-masing World Assembly of Youth (W.A.Y) dan World Federation of Democratic Youth (W.F.D.Y). Bahkan golongan Kristian menyedari ini dan mereka memiliki persatuan internasionalnya iaitu (Y.M.C.A) dan (Y.W.C.A). Bahkan masyarakat Yahudi yang kecil itu menyedari hal ini dan mereka telah mendirikan organisasi internasional bagi perikatan sefahaman pemudanya. Sungguh sangat disayangkan bahawa dunia Islam kekurangan dalam bidang yang penting ini. Kongres keenam World Muslim Congress di Moghadishu, Somalia mempertimbangkan masalah pentingnya kerjasama pemuda muslim sedunia (World Muslim Youth Congress) sebagai suatu badan internasional bagi organisasi-organisasi pelajar – mahasiswa dan pemuda Islam, bukan menyelamatkan organisasi-organisasi non – Islam internasional, tetapi juga untuk memberikan kepada mereka kesatuan internasional mereka sendiri. Saya gembira memberitahu kepada saudara-saudara bahawa muktamar telah membentuk suatu organisasi komiti untuk maksud ini dan kita menerima sambutan-sambutan yang menggembirakan dari organisasi-organisasi pemuda – pelajar dan mahasiswa

² Perkataan sebenar ialah Tanzania

Islam dari seluruh dunia. Dalam waktu dekat, kongres pertama dari Kongres Pemuda Islam Sedunia akan berlangsung untuk meningkatkan rasa bersefahaman pemuda – pelajar dan mahasiswa Islam sedunia. Dan saya yakin bahawa pemuda dan pelajar Islam Indonesia akan memainkan peranan penting dalam kongres ini nanti.

Dengan menyusun pemuda dan pelajar kita pada suatu dasar dunia ini tidak hanya memberi kemungkinan mereka memajukan kepercayaan pada diri sendiri dan hormat pada diri sendiri (*self-respect*) tetapi dengan demikian kita juga mempersiapkan mereka menghadapi lawan-lawan mereka atas landasan kesatuan pada forum internasional. Saya berseru kepada pemimpin-pemimpin umat tidak menyalahkan pemuda-pemuda mereka, kerana mereka adalah harapan masa depannya. Baik atau buruk mereka adalah sebahagian dari kita sendiri; malahan darah dan daging kita sendiri. Jika kerana sesuatu kelalaian pemuda-pemuda kita mencari jalan lain, masa depan umat, saya khuatirkan, akan pasang surut dan kemunduran ini sukar dipikul akibatnya. Kerananya, adalah tugas dan kewajipan yang tua dari umat untuk memberikan sumbangan membantu dan membimbing pemuda-pemuda kita mencari tempat yang terhormat bagi mereka sendiri di bawah matahari ini. Dan tempat terhormat ini tidak dapat dimenangkan dengan tidak ada persatuan dan perkumpulan.

Saya ingin mengulangi bahawa masyarakat dan persaudaraan kita adalah buatan Tuhan dan ideologi kita adalah buatan Tuhan. Negara-negara

empirialis muncul dan XXX³. Dewasa ini, kedua blok mungkin kelihatan di atas kaki langit, tetapi mereka juga akan musnah, tetapi umat akan terus kerana ia ditakdirkan memainkan peranannya hingga akhir masa. Ini adalah soal kepercayaan bagi kita. Begitu pula falsafah telah muncul dan lenyap ketinggalan zaman, demikian juga fahaman-fahaman lain. Tetapi fahaman (ideologi) – Islam akan terus, kerana ia untuk selama-lamanya dan kerana ia adalah ideologi yang benar, kerana penciptanya adalah Tuhan sendiri. Dan kerana itu, kita umat Islam tidak hanya menghadapi masa sekarang tetapi juga mempersiapkan bagi masa depan. Dan kerana masa depan adalah kepunyaan pelajar dan pemuda sekarang, amal pendidikan dan kongres (muktamar) saudara-saudara menjadi perhatian besar bagi dunia Islam.

Masa pendidikanmu adalah peluang besar bagi kamu masa berlatih kamu yang sesungguhnya; dan saya ulangi bahawa latihan ini harus dari tiga segi – fikiran, adab dan jiwa. Penyaringan yang terbaik adalah hukum alam. Jika saudara-saudara ingin terasing (terpilih), kamu harus baik (berilmu, beradab dan berjiwa), dan kebaikan ini harus meliputi ketiga unsur yang disebutkan di atas. Selagi kita tetap Islam kita tetap baik, kita telah memimpin bangsa-bangsa dunia. Hingga kemudian kita membikin norma-norma bagi orang lain, tetapi sewaktu kita menjadi tidak baik kita dilemparkan dari

jadi pemimpin semua lapangan kehidupan, bahkan kita kehilangan tanah air, negara kita diambil musuh yang lebih baik dan lebih teratur.

Kami ingin melihat saudara-saudara sekalian maju, maju secara jiwa, tubuh ilmu fikiran dan menjadi orang-orang yang berfikiran Islam, beradab Islam, berperibadi dan berpandangan Islam. Dengan contoh hidup dari Nabi Muhammad (S.A.W), saudara-saudara wajib merubah diri saudara-saudara menjadi sahabat-sahabat Nabi. Saudara-saudara hendaklah menjadi ribuan Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan ‘Alī. Masa datang gemilang menunggu saudara-saudara untuk memainkan peranan saudara-saudara. Saya berharap semua saudara-saudara mendapat kejayaan dalam pendidikan saudara-saudara. Saya berharap organisasi saudara-saudara menjadi suatu wadah lebih jaya dalam perjuangan Islam, umat Islam seluruh dunia dan rakyat Indonesia.

Kata-kata Hikmah

Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah, adalah seperti satu biji (benih) yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap satu tangkai (mengeluarkan) seratus biji. Dan Allah akan mengganda-gandakan pahala kepada siapa yang dikehendaknya, dan Allah itu luas pemberiannya lagi amat mengetahui. – (al-Qur’ān)

* * *

Kasihnilah sekalian makhluk yang berada di muka bumi ini, nescaya engkau akan dikasihi oleh sekalian makhluk yang berada di atas langit. – (al-Hadīth al-Sharīf).

³ perkataan tidak dapat dibaca